

U B173 DEB  
EMBARGO: UNTUK SIARAN PADA 10.30 MALAM INI ( 9 N O V )

MAHATHIR - AKHBAR 1984

PETALING JAYA, 9 N O V (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR, MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAM INI BAHAWA AKHBAR-AKHBAR TIDAK SEHARUSNYA BERSIKAP AMBIL MUDAH DAN CUAJ DENGAN + MEMBERIKAN SAHAJA APA YANG DIGEMARI OLEH PEMBACA +.

TEGASNYA, SIKAP SEUNPAMA ITU PERLULAH DIBANTERAS SEBERAPA SEGERA SEBELUM MELARAT YANG LAMBAT LAUN AKAN MEMUDARATKAN MASYARAKAT.

SAMBIL MENYIFATKAN PERKARA ITU SEBAGAI PENYAKIT YANG AMAT BEREAHAYA JIKA DIBIARKAN TANPA KAWALAN, PERDANA MENTERI BERKATA AKHBAR HARUSLAH MENGELAKKAN DIRI DARIPADA PERKARA-PERKARA YANG AKAN MEMBERI KESAN YANG NEGATIF KEPADA MASYARAKAT.

KETIKA BERUCAP DIMAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEWARTAWANAN ANJURAN INSTITUT AKHBAR MALAYSIA DISINI, BELIAU BERKATA AKHBAR YANG BERTANGGUNGJAWAB SEHARUSNYA BOLEH MENGHALUSI JIWA MASYARAKAT.

+ MEMANGLAH UNTUK BERSIKAP BERTANGGUNGJAWAB BUKANLAH MUDAH. TETAPI SEBALIKNYA KITATIDAKBOLEH LARI ATAU MENGELAKKAN DIRI DARIPADA KEWAJIPAN INI, + TEGASNYA.--LAGI  
1900MST 09 11 84

D260

U B177 DEB  
MAHATHIR -AKHBAR 2 PETALING JAYA (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SENAKIN BESAR DAN SEMAKINKUKUH SESEBUAH AKHBAR ITU MAKA SEMAKIN BESARLAHTANGGUNGJAWAB YANG DIPIKULNYA.

+ PENGABAIAN KEPADA TANGGUNGJAWAB TERUTAMANYA OLEH AKHBAR-AKHBAR YANG MEMPUNYAI PENGARUH BESAR DALAM MENBENTUK PERIBADI MASYARAKAT MUNGKIN AKAN MEMBAWA AKIBAT YANG BURUK KEPADA KITA SEMUA, + UJARNYA.

BELIAU BERKATA PERANAN AKHBAR-AKHBAR DALAM NEGARA YANG SEDANG MENINGKATKAN USAHANYA KEARAHMEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG LEBIH SEJAHTERA ADALAH AMAT PENTING.

PERDANA NENTERI KESAL KADANGKALA TERDAPAT SESEBUAH AKHBAR, SAMA ADA SECARA SEDAR ATAUPUNTIDAK, TELAH TERMASUK KE DALAM PERANGKAP GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU DALAM MENYUARAKAN KEPENTINGAN GOLONGAN TERSEBUT.

KATANYA, OLEH KERANA TERLALU ASYIK DENGAN ISU-ISU YANG DISUARAKAN OLEH GOLONGAN YANG TIDAK MENDAPAT SOKONGAN KUAT DARIPADA HAKYAT ITU, AKHBAR ATAU NAJALAH TERSEBUT SECARA TIDAK LANGSUNG TELAH SEDIKIT SERANYAK DIPERALATKAN OLEH MEREKA.

+ DENGAN TIDAK LANGSUNG JUGA AKHBAR ATAU MAJALAH BERKENAAN TELAH HILANGKEBEBASAN NEREKA DAN INI ADALAH SATU PERKARA YANG MENDUKACITAKAN, + TEGAS BELIAU.--LAGI

1910MST 09 11 84

D297

U B179

MAHATHIR - AKHBAR 3 PETALING JAYA (EMBARGO)  
DATUK SERIDR. MAHATHIR JUGA KESAL DENGAN PERKEMBANGAN DI  
KALANGAN AKHBAR-AKBARDI NEGARA INI YANG MEMBERIKAN PERHATIAN LEBIH  
TERHADAP SOAL-SOAL LAIN SEDANGKAN SESUATU PERISTIWA YANG DILIPUTI  
ADALAH MENGENAI SATU PERKARA YANG LAIN.

JELASNYA, JIKA ADA MESYUARAT, LAWATAN, PAMERAN ATAU APA J U A  
PERISTIWA, PERKARA YANG DIBERI PERHATIAN BUKAN PERISTIWA TERSEBUT  
TETAPI SOAL-SOAL LAIN YANG MENJADI MINAT AKHBAR.

TAMBAHNYA, SOALAN-SOALAN YANG DIBUAT IALAH DALAM PELBAGAI BENTUK  
DAN BERTALU-TALU UNTUK MENJADIKAN SESUATU PERKARA ITU SEBAGAI SATU  
ISU YANG HANGAT.

BELIAU BERKATA SELEPAS MENYOAL SESEORANG, DISOAL PULA  
ORANG-ORANG LAIN YANG DIKETAHUI MEMPUYAI PANDANGAN YANG  
BERTENTANGAN

-- BAGI MEMBERIKAN PANDANGAN TERHADAP PENDAPAT SASARAN PERTAMA.

+ MAKA DENGAN ITU AKAN TERJADILAH SATU KONTROVERSI -- YANG DIPUJA  
DAN DIHEMBUS OLEH AKHBAR SEHINGGA PANAS BERAPI, + TAMBAHNYA.

PERDANAMENTERI MENEGASKAN AKIBATNYA IALAH KETEGANGAN DAN  
KEGELISAHAN DALAM MASYARAKAT SEHINGGA TERJEJAS EKONOMI, KESTABILAN  
POLITIK MANAKALA PERPADUAN T I D A K DIPEDULIKAN SAMA SEKALI. -- LAGI

2021MST 09 11 84

D264

U B182 DEB

MAHATHIR - AKHBAR 4 PETALING JAYA (EMBARGO)

BELIAU JUGA KESAL TERDAPATNYA PEMBERITA DARIPADA NEGARA INI YANG  
TIDAK SEGAN-SEGAN MENJADI TALI BARUT KEPADA AKHBAR-AKHBAR LUAR  
NEGERI.

PARA PEMBERITA SEUMPAMA ITU, SANGGUP MENCERCA DAN MENGHINA  
NEGARA SENDIRI, MENCACI PEMIMPIN DAN RAJA-RAJA DAN MENJATUHKAN  
MARUAH NEGARA SENDIRI.

KATANYA BELIAU MEMBERANIKAN DIRI MEMBUAT TEGURAN INI WALAUPUN  
IMEJNYA BOLEH DIROSAKAN OLEH AKHBAR MEMANDANGKAN MALAYSIA BELUM  
MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN KUAT, YANG KEBAL DAN YANG TIDAK  
BOLEH DIHANCURKAN.

+ KITA PERLU BERHATI-HATI KERANA JIKA TIDAK, MUNGKIN KITA AKAN  
KEKAL DENGAN KELEMAHAN TANPA SEDIKIT PUN MENGECAP KEJAYAAN DAN KITA  
AKAN TERUS DIPERHAMBAKAN S E R T A DIHINAKAN, + BELIAU MENINGATKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGESYORKAN AKHBAR DI NEGARA  
INI MEMBERIKAN PENCHARGAAN KEPADA TULISAN-TULISAN YANG SECOCOK  
DENGAN SEMANGAT PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN NEGARA WALAUPUN TULISAN ITU  
DIBUAT DALAM BAHASA YANG LAIN DARIPADA BAHASA KEBANGSAAN.

BELIAU MENGESYORKAN HADIAH-HADIAH DIADAKAN SELAIN DARIPADA YANG  
SEDIATERDAPAT BAGI MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA KANDUNGAN YANG  
MENARIK DAN MEMBINA.

MENGENAI PENUBUHAN ORGANISASI PENGARANG-PENGARANG AKHBAR  
BARU-BARU INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA MENJADI SATU LAGI  
BUKTI MENGENAI KEBEBASAN AKHBAR DI NEGARA INI. -- BERNAMA

1918MST 09 11 84